


**Sempena lawatan Presiden Obama ke Malaysia**


# Obama ada hak jumpa sesiapa saja: Dr Mahathir

BH-25/4/2014

» *Isu tiada pertemuan antara Presiden AS dengan Anwar tak patut timbul*

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

► Putrajaya

**P**residen Amerika Syarikat (AS) Barack Obama mempunyai hak untuk memilih atau berjumpa sesiapa saja ketika lawatan rasminya ke negara ini selama tiga hari mulai esok.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata isu kekesalan sesetengah pihak mengenai tiada perjumpaan diatitkan antara Obama dengan ketua pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim seharusnya tidak timbul.

Beliau berkata, Anwar seharusnya tahu mengenai hak seseorang individu kerana perkara berkenaan sering diungkitkan ketika sesi ceramahnya di dalam dan luar negara.

### Tiada jawatan penting

“Dia (Anwar) tu siapa? Kenapa kena datang berjumpa dia pula? Nak kata dia ada jawatan penting, tiada pun. Saya ni be-



“**Dia (Anwar) tu siapa? Kenapa kena datang berjumpa dia pula? Nak kata dia ada jawatan penting, tiada pun. Saya ni bekas Perdana Menteri, Obama tak ada kata nak jumpa pun”**

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Bekas Perdana Menteri

kas Perdana Menteri, Obama tak ada kata nak jumpa pun.

“Tapi dia (Anwar) baru pernah jadi Timbalan (Timbalan Perdana Menteri) dah suruh berjumpa. Itu pun timbalan yang dah kena pecat.

“Anwar pergi ke luar negara, burukkan nama Malaysia, kita sikit pun tak halang, sebab itu hak dia. Tapi bila Obama tak nak jumpa, dia nak marah pula,” katanya kepada pemberita

selepas Program Pertemuan dan Sesi Dialog Kepimpinan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di Yayasan Seri Perdana, di sini semalam.

Laporan sebuah portal berita semalam menyebut bahawa Anwar percaya Obama menghadapi tekanan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak supaya tidak mengadakan pertemuan dengannya apabila pemimpin AS itu melawat

Malaysia hujung minggu ini.

Sebelum ini, PKR menyatakan kekesalan berikutan ketiadaan rancangan Obama untuk bertemu Anwar dalam rangka lawatannya ke Malaysia.

Dr Mahathir berkata, sebelum ini pada tahun 1998, kerajaan juga tidak menghalang pertemuan Setiausaha Negara AS ketika itu, Madeleine Albright dengan isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.